

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHG 345 - Geomorfologi

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi setiap soalan yang berkenaan.

1. Dengan berpandukan contoh-contoh yang tertentu, bezakan bentuk-bentuk muka bumi yang terdapat di kawasan yang beriklim tropika lembab dengan yang terdapat di kawasan gurun panas.  
(25 markah)
2. Bagaimanakah analisis lembangan sungai boleh membantu ahli-ahli geomorfologi untuk menolong kerajaan dalam membuat keputusan yang bersangkutan dengan isu-isu alam sekitar?  
(25 markah)
3. Bincangkan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada bentuk-bentuk muka bumi yang terdapat di dunia ini adalah hasil daripada tindakan proses luluhawa?  
(25 markah)
4. W.M. Davis telah menyarankan prinsipnya yang terkenal bahawa semua pandang darat fizikal boleh dianalisiskan berdasarkan tiga pembolehubah iaitu 'struktur', 'proses' dan 'peringkat'. Bincangkan sejauh manakah prinsip ini masih boleh diterima pada masa kini.  
(25 markah)
5. Bincangkan bagaimanakah proses-proses glasier lurah dan proses-proses glasier benua dapat memberi kesan ke atas pandang darat geomorfologi.  
(25 markah)
6. Geomorfologi merupakan salah satu daripada cabang sains yang telah mengalami banyak perubahan dari segi pendekatan terhadap kajiannya. Bincangkan.  
(25 markah)

oooOooo